



KERATAN AKHBAR

AKHBAR	:	KOSMO
TARIKH	:	2/8/2019
JABATAN	:	PERHILITAN
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN

Berusia 18 bulan, mula diberi diet daun buluh walaupun masih menyusu

Yi Yi nama anak panda kedua

Oleh SYED MOHD HAZIQUE SYED NOR

HULU KELANG - Anak panda kedua daripada pasangan panda Xing Xing dan Liang Liang yang lahir di Zoo Negara di sini pada 14 Januari 2018 diberi nama Yi Yi yang bermaksud persahabatan.

Pengumuman anak panda betina itu diumumkan oleh Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli, Dr. Xavier Jayakumar pada Majlis Penamaan Anak Panda Gergasi Kedua di Zoo Negara di sini semalam.

Xavier berkata, nama anak panda tersebut dicadangkan oleh Kerajaan Malaysia melalui Kementerian dan dipersetujui oleh pemerintah Republik Rakyat China melalui China Persatuan



XAVIER



BAI TIAN

Pemeliharaan Hidupan Liar China.

Menurutnya, kelahiran kedua anak panda tersebut dapat mengeratkan dan mengukuhkan lagi persahabatan yang terjalin antara Malaysia dan China sejak empat dekad lalu.

"Yi Yi yang kini berusia 18 bulan berada dalam keadaan sihat dan telah mencapai berat 50 kilogram walaupun masih menyusu.

"Anak panda ini telah mula diberikan diet seperi daun buluh dan lobak merah," katanya


pada sidang akhbar selepas majlis itu di Pusat Konservasi Panda Gergasi Zoo Negara.

Hadir sama Duta Republik Rakyat China ke Malaysia, Bai Tian dan Ketua Pengarah Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan), Datuk Dr. Abdul Kadir Abu Hashim.

Menurut Xavier, kelahiran Yi Yi menjadikan Malaysia negara pertama di dunia yang menerima kelahiran anak panda gergasi secara semula jadi dalam kurungan dan di luar musim mengawan.

Katanya, Yi Yi lahir selepas kelahiran Nuan Nuan yang merupakan anak pertama pasangan panda gergasi tersebut pada 18 Ogos 2015.

"Kerajaan akan menjaga anak panda itu selama empat tahun den-



GELAGAT Yi Yi pada Majlis Penamaan Anak Panda Gergasi Kedua di Pusat Konservasi Gergasi Panda Zoo Negara, Hulu Kelang semalam.

gan yuran konservasi sebanyak AS\$600,000 (RM2.48 juta) setahun untuk Yi Yi dan ASS1 juta (RM4.14 juta) setahun untuk panda dewasa," ujarnya.

Sementara itu, Bai Tian memberitahu, kelahiran dua ekor anak panda di negara ini menunjukkan Malaysia adalah tempat yang selesa buat panda gergasi dari China.

INFO

YI YI

- Anak kedua pasangan panda gergasi Xing Xing dan Liang Liang
- Lahir di Pusat Konservasi Panda Gergasi Zoo Negara pada 14 Januari 2018 pada pukul 7.50 pagi dengan berat 150 gram
- Mula dipamerkan pada 26 Mei 2018 di Pusat Konservasi Panda Gergasi Zoo Negara
- Xing Xing dan Liang Liang dipinjamkan China kepada Malaysia melalui Program Perjanjian Kerjasama Konservasi Antarabangsa Panda Gergasi bagi tempoh 10 tahun bermula 2014
- Pada 18 Ogos 2015, panda betina Liang Liang melahirkan seekor anak panda betina pertama diberi nama Nuan Nuan
- 14 November 2018, Nuan Nuan dihantar pulang ke China sebagai memenuhi syarat perjanjian kedua-dua negara